

PENGURUSAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH AWAM: KAJIAN KES KANAK-KANAK AUTISME DI INDONESIA

*Yohan Kurniawan¹

Lisfarika Napitupulu²

[1] Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

[2] Fakultas Psikologi, Universitas Islam Riau, Indonesia

*yohan@um.edu.my

ABSTRACT

This study examines the management of the education of autistic children in public schools in Indonesia, where most schools are unequipped with special facilities or support for special education. Inclusive education in Indonesia aims to provide equal access to all students, including children with autism. However, implementing inclusive education in public schools faces various challenges, such as the lack of trained teachers in special education, the absence of individual education programs, and the lack of adaptation in teaching strategies. Based on a case study of a five-year-old autistic child in a public school in Sulawesi, this study examines the challenges faced by autistic children in adapting to a school environment that is not responsive to their special needs. Data were collected through observation, semi-structured interviews with parents, and document analysis. The study's findings show that teachers' lack of knowledge about teaching strategies for autistic children hinders the active participation of these students in class and affects their academic and social development. This study also identifies special training needs for teachers and provides recommendations to improve the implementation of inclusive education for children with autism in public schools in Indonesia.

Keywords: *Inclusive Education, Children with Autism, Special Education, Public Schools, Individual Education Program (IEP), Sulawesi, Indonesia*

LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas, terutama kanak-kanak autisme, memerlukan sokongan dan pendekatan khusus yang berbeza daripada pendidikan konvensional. Keperluan mereka termasuk adaptasi dalam strategi pengajaran, penyesuaian kurikulum, serta kemudahan sokongan lain untuk memastikan mereka mendapat akses penuh kepada proses pembelajaran. Namun, di Indonesia, pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas masih berhadapan dengan pelbagai cabaran, terutama apabila melibatkan sekolah awam yang kebanyakan tidak mempunyai sumber atau latihan yang mencukupi untuk menyediakan pendidikan berkualiti bagi kanak-kanak autisme.

Di Indonesia, pendidikan inklusif telah diperkenalkan sebagai satu konsep untuk memastikan semua kanak-kanak, termasuk mereka yang berkeperluan khas, mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang setara. Sistem pendidikan inklusif bertujuan mengintegrasikan kanak-kanak berkeperluan khas ke dalam arus perdana pendidikan dengan menyediakan pendekatan yang holistik dan menyeluruh (Suherman & Ratnasari, 2019). Namun, pelaksanaan pendidikan inklusif ini sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran, terutamanya daripada segi kesiapan sekolah, kemampuan guru, dan kesedaran masyarakat. Di sekolah-sekolah awam di Indonesia, kekurangan sumber daya seperti guru terlatih dalam bidang pendidikan khas, program intervensi yang komprehensif, dan peralatan yang

disesuaikan dengan keperluan kanak-kanak berkeperluan khas, menjadi hambatan utama dalam pelaksanaan pendidikan inklusif yang berkesan.

Kajian mendapati bahawa kanak-kanak autisme yang ditempatkan di sekolah awam sering kali mengalami kesulitan untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran yang kurang memahami keperluan khas mereka (Nursanti & Alim, 2021). Persekitaran kelas yang tidak diadaptasi, kurangnya program pendidikan individu (*Individualized Education Program*, IEP), serta kekurangan sokongan daripada guru dan kakitangan sekolah menyebabkan mereka sukar mencapai potensi penuh dalam aspek akademik dan sosial. Kesan ini bukan sahaja memberi tekanan kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada ibu-bapa yang mengharapkan pendidikan inklusif dan adaptif.

Kurangnya kesedaran dan latihan yang diperolehi oleh guru berkaitan strategi pengajaran yang berkesan untuk kanak-kanak autisme menambah lagi cabaran dalam melaksanakan pendidikan inklusif di sekolah awam di Indonesia. Banyak guru tidak dilatih untuk mengenali simptom atau tingkah laku yang berkaitan dengan autisme. Akibatnya, mereka tidak memiliki kemahiran untuk menguruskan dan menyampaikan pelajaran dengan cara yang tepat dan efektif kepada kanak-kanak autisme (Handayani & Suryana, 2020). Kesannya, kanak-kanak autisme ini sering dibiarkan bergantung kepada usaha mereka sendiri dalam proses pembelajaran, yang boleh menyebabkan kanak-kanak autisme ini mengalami kesukaran dalam akademik dan penyesuaian sosial.

Di Indonesia, polisi pendidikan inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas sudah mulai berkembang. Kerajaan Indonesia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menyokong pendidikan inklusif, namun tahap pelaksanaannya masih belum mencapai tahap yang memadai, terutama di kawasan luar bandar dan sekolah-sekolah bersumber daya terhad. Menurut data daripada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, kurang daripada 50% guru yang bekerja di sekolah awam memiliki pengetahuan atau pengalaman dalam menangani anak-anak berkeperluan khas (Kemendikbud, 2022).

Kajian yang dijalankan ini penting untuk mengenal pasti bagaimana pendidikan inklusif khusus untuk kanak-kanak autisme dapat diterapkan dengan lebih baik di sekolah-sekolah awam Indonesia. Melalui kajian, kes ini diharapkan dapat mengenal pasti cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme dan pihak sekolah. Selanjutnya dapat mencadangkan strategi-strategi yang praktikal untuk membantu meningkatkan keberkesanan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia.

PERMASALAHAN PENDIDIKAN

Walaupun banyak kajian yang berkaitan dengan pendidikan khas, kebanyakannya masih menunjukkan kekurangan. Di antaranya, banyak kajian yang menumpukan kepada kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia, terutamanya dalam konteks yang tidak menyediakan perkhidmatan pendidikan khas yang lengkap. Kebanyakan penyelidikan sedia ada menumpukan kepada negara-negara dengan sistem pendidikan khas yang lebih mantap, namun hanya sedikit yang menganalisis cabaran dan keperluan khas kanak-kanak autisme dalam persekitaran sekolah awam Indonesia yang masih kekurangan sokongan.

Kebanyakan kajian yang dijalankan selama ini hanya menumpukan kepada faktor-faktor luaran seperti ketersediaan sumber atau dasar pendidikan, dengan kurang perhatian diberikan kepada strategi pengajaran dan pengurusan khusus yang boleh diaplikasikan di sekolah awam. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian dengan menyediakan analisis kes yang mendalam serta mencadangkan strategi sokongan praktikal dan relevan untuk meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak autisme dalam konteks sekolah awam di Indonesia. Beberapa permasalahan dan jurang penyelidikan berkaitan kanak-kanak autisme yang bersekolah di sekolah awam di Indonesia adalah seperti berikut:

Kekurangan Kajian Kontekstual dalam Sekolah Awam

Kajian mengenai pendidikan kanak-kanak autisme sering dilakukan dalam konteks sekolah pendidikan khas atau sekolah inklusif yang menyediakan keperluan pendidikan khas tersendiri. Namun, kajian yang mendalam mengenai pengalaman kanak-kanak autisme di sekolah awam tanpa penyediaan pendidikan khas masih terhad, terutamanya di Indonesia. Jurang ini menunjukkan kurangnya pemahaman mengenai cabaran sebenar yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme dalam sistem pendidikan am yang tidak menyediakan program dan sumber khusus.

Ketiadaan Strategi Sokongan Khusus untuk Kanak-Kanak Autisme di Sekolah Awam

Walaupun ada kesedaran yang meningkat tentang pentingnya sokongan untuk kanak-kanak autisme dalam sistem pendidikan, kewujudan strategi praktikal khusus yang boleh diaplikasikan dalam sekolah awam masih kurang diterokai. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan pendekatan sokongan yang relevan bagi guru dan pentadbir sekolah dalam menangani cabaran tersebut tanpa perlu menubuhkan program pendidikan khas.

Kurangnya Data Empirik Dalam Konteks Indonesia

Kajian empirikal yang memberi tumpuan kepada kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia masih terhad, mengakibatkan kekurangan data untuk memahami keadaan sebenar dan keperluan pendidikan mereka. Data ini penting untuk membuat keputusan dasar yang lebih berkesan dan memenuhi keperluan khusus kanak-kanak autisme dalam sistem pendidikan am.

Cabaran Kepada Guru dan Keperluan Latihan

Banyak guru di sekolah awam menghadapi kesukaran dalam mengajar kanak-kanak autisme kerana kurangnya pengetahuan dan latihan khusus. Kajian ini dapat mengisi jurang dengan menganalisis cabaran yang dialami guru dan mengenal pasti jenis latihan atau sokongan yang diperlukan.

Kurangnya Analisis Perbandingan Antara Negara

Terdapat sedikit kajian perbandingan antara konteks pendidikan autisme di negara-negara yang berdekatan, seperti Malaysia dan Indonesia, terutamanya dalam konteks sekolah awam. Kajian ini diharapkan dapat memberikan wawasan bagi kedua-dua negara dalam merangka strategi pendidikan inklusif bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Dengan mengkaji cabaran pendidikan kanak-kanak autisme dalam sekolah awam tanpa program pendidikan khas, kajian ini berpotensi menyediakan data empirikal dan strategi intervensi yang berguna untuk memperbaiki pengalaman pendidikan kanak-kanak autisme dalam konteks yang kurang mendapat perhatian sebelumnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah sebagai berikut:

1. Menilai cabaran pendidikan yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme di sekolah awam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cabaran khusus yang dialami oleh kanak-kanak autisme dalam persekitaran pendidikan arus perdana di sekolah awam, termasuk cabaran dalam pembelajaran, sosial, dan persekitaran fizikal serta sosial di sekolah.
2. Mengkaji impak ketiadaan sokongan pendidikan khas terhadap perkembangan akademik dan sosial kanak-kanak autisme.

Objektif ini menumpukan kepada pengukuran kesan ketiadaan sokongan khusus, seperti tenaga pengajar terlatih dan penggunaan teknologi untuk pelajar autisme, bantuan dalam pencapaian akademik serta kemahiran sosial bagi kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia.

3. Mencadangkan strategi penyelesaian untuk meningkatkan sokongan dan pengurusan pendidikan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam.

Berdasarkan dapatan kajian, cadangan praktikal akan dirumuskan untuk meningkatkan tahap sokongan dan pengurusan pendidikan di sekolah awam, termasuklah penyesuaian kurikulum, latihan guru, dan penyediaan bantuan teknologi yang sesuai bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme.

KAJIAN PUSTAKA DAN TEORI

Kajian Pustaka

Pendidikan inklusif bertujuan menyediakan persekitaran yang menyokong dan menerima kanak-kanak autisme dalam sistem pendidikan arus perdana. Kajian-kajian global menunjukkan variasi dalam tahap kesedaran, pemahaman, dan pelaksanaan pendidikan inklusif yang bergantung kepada faktor sosio-budaya, ekonomi, serta polisi pendidikan setiap negara (Sapon-Shevin, 2020; UNESCO, 2021). UNESCO (2021) menekankan pentingnya pendidikan inklusif sebagai salah satu objektif pembangunan lestari. Ia juga menekankan usaha mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam mengenai kepentingan menyediakan persekitaran inklusif bagi semua kanak-kanak termasuk mereka yang menderita autisme. UNESCO (2020) melalui laporannya telah memberikan gambaran menyeluruh mengenai keadaan pendidikan inklusif di seluruh dunia dengan sorotan kepada kanak-kanak autisme. Ia menyeru kepada semua negara untuk membuat pendekatan yang lebih inklusif dalam pendidikan serta melibatkan semua pelajar tanpa diskriminasi, termasuk kanak-kanak keperluan khas.

Dengan peningkatan sokongan global dan kesedaran masyarakat, pendidikan inklusif dilihat berpotensi memberikan manfaat kepada pembangunan akademik dan sosial kanak-kanak autisme. Di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, kesedaran mengenai pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme semakin meningkat dengan sokongan dasar dan undang-undang yang kukuh, termasuk Akta Pendidikan Individu Berkeperluan Khas (IDEA) di Amerika Syarikat (Smith, 2022). Pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme di negara-negara ini dilihat bukan sahaja sebagai satu keperluan pendidikan tetapi juga sebagai hak asasi manusia yang harus dipenuhi. Walau bagaimanapun, cabaran tetap wujud dalam menyediakan perkhidmatan yang sesuai dan menyeluruh di sekolah-sekolah umum untuk kanak-kanak yang berada dalam spektrum autisme, termasuk aspek latihan guru dan penyesuaian kurikulum (Jones & Frederickson, 2021).

Kajian terkini mengenai kesedaran tentang pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme menunjukkan peningkatan dalam kesedaran global terhadap pendekatan pendidikan yang lebih berfokus pada neurodiversiti dan hak asasi. Dalam undang-undang antarabangsa dan Eropah, pendidikan inklusif dilihat bukan sahaja sebagai akses kepada pendidikan arus perdana, tetapi juga sebagai pendekatan yang menghormati hak kanak-kanak autisme melalui penyediaan persekitaran yang bersesuaian dengan keperluan unik mereka. Kajian-kajian ini menekankan pentingnya menyesuaikan pendidikan inklusif dengan pelbagai aspek autisme. Antara aspek ini ialah cabaran dalam komunikasi dan interaksi sosial agar kanak-kanak autisme dapat mencapai potensi penuh mereka (Elsabbagh et al., 2012; Redefining Inclusive Education, 2023).

Beberapa kajian menyoroti bagaimana sistem pendidikan semasa, terutamanya di negara-negara maju, menghadapi cabaran dalam melaksanakan pendidikan inklusif sepenuhnya. Hal ini sering disebabkan oleh kurangnya sokongan dan pemahaman yang mencukupi mengenai keperluan khusus kanak-kanak autisme. Contohnya, kajian di Eropah menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan inklusif yang lebih adaptif diperlukan. Juga terdapat usaha untuk memperkenalkan pendidikan alternatif bagi kanak-kanak autisme yang mungkin tidak dapat mengikuti arus perdana secara langsung (Cera, 2015; Goodall, 2021).

Selain itu, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme turut meningkat dalam kalangan masyarakat global melalui perbincangan yang lebih mendalam tentang hak dan kesejahteraan kanak-kanak autisme di peringkat undang-undang dan sosial. Sebagai contoh, pendekatan berasaskan neurodiversiti mencadangkan bahawa autisme dilihat sebagai kepelbagaian fungsi neurologi yang memerlukan penyesuaian pendidikan, bukan pengasingan atau rawatan (Chapman, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Al Shammari dan Hornby (2021) meneliti kesedaran tentang pendidikan inklusif di Arab Saudi dengan menumpukan kepada cabaran yang dihadapi dalam penyediaan pendidikan untuk kanak-kanak autisme. Kajian ini juga mengupas peranan sokongan keluarga dan komuniti dalam membantu pembelajaran kanak-kanak autisme di sekolah inklusif. Kajian yang dijalankan oleh Ashburner et al. (2020) mengkaji pelaksanaan perkhidmatan terapi di sekolah inklusif di Australia bagi murid-murid autisme. Ia menekankan kepentingan pendekatan kekuatan dan bagaimana pendekatan ini membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran bagi murid autisme di sekolah inklusif. Rimmerman dan Arieli (2023) mengkaji sikap guru terhadap pendidikan inklusif dan bagaimana pendekatan berasaskan kekuatan boleh meningkatkan keyakinan mereka dalam mengajar pelajar autisme. Hasil kajian menyarankan bahawa pendekatan yang memanfaatkan kekuatan individu dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan positif.

Di negara-negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia, kesedaran mengenai pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme telah berkembang dengan pesat. Namun, kekurangan sumber dan kemudahan yang mencukupi sering menjadi kekangan utama (Sharma et al., 2020). Usaha untuk meningkatkan kesedaran dilakukan melalui kempen kesedaran awam, penyelidikan, dan sokongan daripada badan bukan kerajaan yang berusaha untuk mengurangkan stigma terhadap kanak-kanak autisme dalam sistem pendidikan am (Mansor et al., 2022).

Pendidikan inklusif di Indonesia menekankan penyediaan peluang yang sama bagi kanak-kanak berkeperluan khas, namun kekurangan guru terlatih dan fasiliti khusus untuk kanak-kanak ini sering menjadi halangan (Sugianto, 2021). Kajian menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan yang inklusif memerlukan penyesuaian kurikulum serta bimbingan berterusan bagi guru dalam menguruskan pelbagai keperluan kanak-kanak autisme. Kajian yang dijalankan oleh Fauzi dan Rani (2023) membincangkan implikasi dasar pendidikan inklusif yang diperkenalkan di Indonesia. Kajian ini menekankan keperluan untuk menambah baik struktur dasar dan sokongan kewangan bagi pelaksanaan inklusif yang lebih berkesan di sekolah awam.

Kajian oleh Iskandar et al. (2020) telah mengkaji cabaran utama yang dihadapi guru dalam mendidik kanak-kanak autisme di sekolah awam, termasuk kurangnya latihan khusus dan beban tugas yang tinggi. Hasil kajian ini menekankan pentingnya sokongan kerajaan dalam menyediakan latihan profesional untuk guru. Kajian oleh Fatimah et al. (2023) mendapati bahawa keberkesanan guru dalam menyesuaikan pendekatan pengajaran adalah penting bagi kemajuan akademik kanak-kanak autisme. Sokongan emosi yang berterusan oleh guru turut menyumbang kepada perkembangan positif pelajar. Selain itu, latihan intensif untuk guru dalam mendidik kanak-kanak berkeperluan khas adalah penting bagi kejayaan program inklusif, menurut kajian oleh Mansur dan Hartini (2020). Kajian ini turut menyarankan kurikulum khusus bagi guru pendidikan khas.

Kajian yang dijalankan oleh Halim et al. (2023) membuktikan bahawa persekitaran sosial sekolah awam mempengaruhi perkembangan sosial kanak-kanak autisme. Persekitaran inklusif yang positif membantu meningkatkan interaksi sosial dan penyesuaian diri pelajar autisme. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nur et al. (2022) pula, sokongan kumpulan rakan sebaya sangat membantu meningkatkan pembelajaran dan kemahiran sosial kanak-kanak autisme. Kajian ini mendapati bahawa interaksi dengan rakan sebaya mempercepat pemahaman konsep pembelajaran.

Samad dan Widodo (2021) mengkaji penggunaan teknologi digital sebagai alat bantu untuk kanak-kanak autisme, seperti aplikasi pembelajaran interaktif. Teknologi ini membantu meningkatkan tumpuan dan menggalakkan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar autisme. Kajian oleh Rahman dan Aziz (2022) mendapati bahawa pendekatan berasaskan visual sangat berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan interaksi sosial kanak-kanak autisme di sekolah awam. Mereka juga mencadangkan pengintegrasian alat bantu visual dalam kelas inklusif sebagai sokongan kepada pengajaran guru.

Kajian oleh Wahid dan Putra (2022) menyarankan penyediaan sumber tambahan seperti guru pembantu atau kaunselor bagi membantu pengurusan kanak-kanak autisme di sekolah awam. Hal ini bertujuan meringankan beban guru kelas dalam memenuhi keperluan khusus kanak-kanak autisme. Kanak-kanak autisme biasanya memerlukan pendekatan pendidikan yang berbeza kerana mereka mengalami kesukaran dalam komunikasi, interaksi sosial, dan tingkah laku (Kanner & Siegel, 2021). Mereka sering memerlukan strategi pengajaran yang disesuaikan, termasuk pengajaran visual, struktur jadual yang konsisten, dan persekitaran yang kurang rangsangan yang mengganggu. Kurangnya penyesuaian ini boleh menyebabkan kanak-kanak autisme merasa terpinggir dan tertekan, yang mana hal ini dapat menghalang pencapaian akademik dan sosial mereka (Lin et al., 2020).

Berkaitan dengan Pendidikan Inklusif dan Dasar Pendidikan di Indonesia, pendidikan inklusif di Indonesia berasaskan kepada prinsip kesamarataan, bertujuan menyediakan peluang pendidikan yang sama bagi semua pelajar, termasuk kanak-kanak berkeperluan khas seperti kanak-kanak autisme (Mastura & Hidayat, 2022). Dasar ini menekankan kepentingan pendidikan yang tidak mendiskriminasi, di mana kanak-kanak autisme dapat belajar bersama rakan sebaya dalam persekitaran yang menyokong perkembangan. Walaupun pelaksanaan pendidikan inklusif di sekolah awam semakin ditingkatkan, kekangan seperti ketiadaan guru yang terlatih dalam pendidikan khas, kurangnya kemudahan sokongan, dan kelompongan dalam program individu menjadi antara halangan utama (Suparman, 2023).

Salah satu cabaran utama dalam pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia adalah kekurangan jumlah guru yang memiliki kemahiran dalam kaedah pengajaran pendidikan khas (Sunarto et al., 2022). Guru-guru yang kurang pengetahuan dalam memahami ciri-ciri kanak-kanak autisme akan menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan kaedah pengajarannya. Hal ini menjadikan proses pembelajarannya lebih mencabar bagi kanak-kanak autisme (Mohamad & Nordin, 2023). Selain itu, sistem pendidikan di Indonesia masih kekurangan sumber dalam menyediakan program pendidikan individu (IEP) yang penting bagi kanak-kanak dengan keperluan khas, termasuk autisme (Rahman, 2021).

Kanak-kanak autisme memerlukan bantuan guru yang memahami keperluan serta memiliki strategi pengajaran yang sesuai, agar mereka dapat berinteraksi dan berkembang dalam persekitaran sekolah. Kekurangan latihan dan pengetahuan dalam kalangan guru sekolah awam mengakibatkan kekangan dalam penyertaan dan pencapaian pelajar autisme. Hal ini turut menjejaskan interaksi sosial pelajar tersebut, menjadikan mereka cenderung merasa terpinggir dan tidak diperhatikan di dalam bilik darjah (Wijaya, 2023).

Untuk meningkatkan pendidikan inklusif di Indonesia, kajian menunjukkan keperluan mendesak dalam melatih guru dalam bidang pendidikan khas, menyediakan panduan pengajaran yang bersesuaian dengan kurikulum, dan menyusun program pendidikan individu bagi kanak-kanak autisme (Hakim, 2023). Pelaksanaan pendidikan inklusif yang efektif memerlukan usaha yang berterusan untuk melengkapkan guru dengan latihan khusus, terutama dalam kemahiran komunikasi, pendekatan berstruktur, dan strategi pengurusan tingkah laku yang selaras dengan keperluan kanak-kanak autisme.

Kajian Teori

a) Teori Sosial Vygotsky (*Vygotsky's Social Constructivism*)

Teori ini menekankan pentingnya interaksi sosial dalam pembelajaran. Teori ini relevan dengan konteks pendidikan inklusif kerana menggalakkan interaksi sosial dan perkembangan kognitif kanak-kanak autisme. Vygotsky menyatakan bahawa kanak-kanak belajar lebih baik dalam persekitaran yang menyokong interaksi dengan rakan sebaya dengan guru berperanan sebagai pembimbing (Baranek & Watson, 2022).

b) Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner

Teori ini menekankan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh pelbagai sistem sosial yang saling berkait seperti keluarga, sekolah, dan komuniti. Dalam konteks pendidikan inklusif, teori ini menjelaskan betapa pentingnya kerjasama antara ibu bapa, guru, dan komuniti dalam memastikan keperluan kanak-kanak autisme dapat dipenuhi di sekolah awam (Campbell & Bigby, 2021).

c) Teori Pendidikan Inklusif (*Inclusive Education Theory*)

Pendidikan inklusif menekankan bahawa semua pelajar, termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas, mempunyai hak untuk mendapat akses kepada pendidikan yang sama dan persekitaran pembelajaran yang tidak mendiskriminasi. Teori ini berfungsi sebagai kerangka utama dasar pendidikan inklusif yang berkaitan dengan kanak-kanak autisme, di mana sekolah awam perlu memastikan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan menerima semua pelajar tanpa mengira kemampuannya (Schwartz & Rizzo, 2023).

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk berupa kajian kes. Pendekatan ini sesuai kerana ia membolehkan pengkaji meneliti secara mendalam pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme dalam konteks sekolah awam di Indonesia. Melalui kajian kes ini, penyelidik dapat memahami secara lebih komprehensif cabaran, strategi, dan pengalaman yang dihadapi dalam pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah tersebut.

Responden Kajian

Responden kajian ini ialah seorang kanak-kanak lelaki berumur lima tahun yang didiagnosis mengalami autisme. Responden ini telah dipilih kerana usianya yang masih muda dan situasinya bersekolah di sekolah awam yang tidak mempunyai kemudahan atau sokongan pendidikan khas secara formal. Penyelidik telah mengikuti perkembangan proses pembelajaran responden selama lebih kurang 1 tahun daripada responden berumur 4 tahun sehingga 5 tahun. Pemilihan responden ini juga dapat memberikan perspektif baru tentang pendekatan pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian adalah di sebuah sekolah awam di bandar X, Sulawesi, Indonesia. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan keperluan untuk memahami keberkesanan proses pembelajaran yang diterima responden di sekolah berkenaan, dan untuk mengenal pasti keadaan pengurusan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah awam yang mempunyai sumber dan sokongan yang terhad. Bandar X dipilih kerana ia merupakan sebuah bandar yang memiliki akses pendidikan yang sangat baik, namun masih kurang kemudahan khusus untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam.

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian dikumpul melalui tiga kaedah utama iaitu:

a) Pemerhatian

Penyelidik melakukan pemerhatian langsung terhadap responden di dalam dan luar bilik darjah selama tempoh 5 bulan. Pemerhatian meliputi interaksi responden dengan guru kelas, rakan sekelas, dan penyediaan aktiviti pembelajaran yang diterima dalam kelas dan juga tugasan sekolah yang perlu dikerjakan di rumah.

b) Temu bual separa berstruktur

Temu bual dijalankan dengan ibu dan guru responden untuk mendapatkan perspektif mereka mengenai pendekatan dan cabaran yang dihadapi dalam menguruskan pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah tersebut.

c) Analisis dokumen

Penyelidik juga mengumpul dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan pengurusan pendidikan sekolah tersebut, seperti rancangan pengajaran, laporan kemajuan akademik, dan dokumen dasar yang berkenaan.

Metod penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual amat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia melibatkan pemerhatian langsung dan interaksi mendalam dengan responden kajian. Hal ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang mendalam dan holistik tentang cabaran yang dihadapi kanak-kanak autisme dalam persekitaran pendidikan awam di Indonesia. Selain itu, justifikasi kesesuaian penggunaan metod kajian kualitatif ini adalah:

a) Konteks dan perincian data

Pemerhatian membolehkan penyelidik melihat secara langsung bagaimana responden menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah yang tidak menyediakan sokongan khas. Kaedah ini memberikan data yang kaya dan terperinci mengenai dinamik bilik darjah, interaksi dengan rakan sebaya dan guru, serta reaksi terhadap pelbagai situasi di sekolah. Pemerhatian dalam kajian ini membantu dalam mendapatkan gambaran yang lebih tepat tentang keadaan dan cabaran sebenar yang dihadapi responden kajian.

b) Memahami persepsi responden

Temu bual separa berstruktur dengan ibu dan guru darjah dapat mendedahkan pandangan peribadi dan pengalaman mereka yang tidak dapat diperoleh melalui kaedah kuantitatif atau instrumen kajian yang lebih terhad. Melalui temu bual, penyelidik dapat mendalami pandangan ibu dan guru tentang perkembangan responden, serta cabaran yang mereka hadapi di rumah dan sekolah. Ini penting untuk memahami pengalaman, perspektif, dan perasaan mereka terhadap sistem pendidikan inklusif sedia ada.

c) Fleksibiliti dalam pengumpulan data

Kaedah kualitatif ini membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan dan pemerhatian mengikut situasi yang timbul, memberi ruang untuk menyelidik aspek-aspek yang tidak dijangkakan tetapi relevan bagi kajian ini. Contohnya adalah seperti interaksi spontan antara responden dengan rakan sebaya atau tindak balas guru terhadap tingkah laku tertentu yang ditunjukkan oleh responden semasa di sekolah.

ANALISIS DATA

Kajian ini bertujuan untuk memahami secara mendalam pengurusan pendidikan bagi seorang kanak-kanak autisme di satu sekolah awam bandar X di Sulawesi, Indonesia. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes membolehkan analisis mendalam mengenai konteks pendidikan dan cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme di sekolah awam yang tidak mempunyai sokongan pendidikan khas formal. Berikut adalah analisis data berdasarkan tiga kaedah pengumpulan data utama:

Analisis Pemerhatian


Pemerhatian yang dijalankan memberi pandangan langsung mengenai pengalaman harian subjek di sekolah awam tersebut. Pemerhatian dilakukan dalam dua aspek utama, iaitu interaksi di dalam dan luar bilik darjah. Dalam bilik darjah, responden diperhatikan dalam hal keupayaannya mengikuti arahan guru, interaksi dengan rakan sekelas, serta respon terhadap aktiviti pembelajaran. Daripada pemerhatian ini, penyelidik mendapati bahawa:

a) Interaksi dengan guru dan rakan sekelas


Responden menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan rutin kelas. Contohnya, guru akan mengarahkan responden untuk melakukan suatu perbuatan yang sederhana seperti duduk, berbaris. Responden tidak dapat bertindak secara mandiri atau memberi respon yang perlahan dalam mengikuti arahan. Bahkan, responden juga seringkali mengabaikan arahan daripada guru. Responden menunjukkan interaksi sosial yang terhad bahkan tidak bermain bersama rakan-rakannya. Kekurangan pemahaman guru mengenai keperluan khas kanak-kanak autisme mempengaruhi kemampuan subjek untuk terlibat secara aktif dalam pelajaran dan perkembangan kemahiran sosialnya.

Gambar 1


Interaksi guru dan responden ketika di sekolah



Gambar 1 menunjukkan interaksi responden kajian dengan guru darjahnya. Daripada hasil pengamatan yang dilakukan penyelidik di sekolah responden, ia didapati bahawa interaksi yang terjadi antara responden dan gurunya berbentuk pasif, yang mana interaksi yang terjadi hanya sebatas formaliti dan tiada percakapan antara responden dan guru darjah dalam tempoh yang panjang. Salah satu punca hal ini terjadi ialah kemampuan bercakap responden yang sangat lemah sehingga sukar difahami oleh guru, responden juga tidak memiliki inisiatif atau tidak suka memulakan percakapan dengan orang lain, guru juga bercakap dengan responden untuk perkara-perkara berkaitan aktiviti semasa seperti larangan untuk berdiri terlalu rapat dengan suatu alat permainan di sekolah atau permintaan untuk kembali ke dalam bilik darjah. Jadi dapat disimpulkan bahawa interaksi yang dibangunkan oleh guru darjah kurang dapat membangunkan hubungan yang mesra dan rapat antar guru dan responden. Hal ini menyebabkan guru darjah kurang mampu untuk mengawal dan membentuk perilaku responden

Rajah 1*Interaksi antara responden dengan guru darjah*


Data daripada Rajah 1 diperolehi daripada hasil pemerhatian interaksi antara responden dengan gurunya. Skala yang digunakan ialah 1 = tidak pernah; 2 = kadang-kadang; 3 = selalu. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, berikut merupakan 3 perilaku yang selalu dilakukan oleh responden semasa di sekolah (Skala 3): mengikuti arahan daripada guru, makan dibantu oleh guru, dan marah untuk keadaan tertentu. Contoh keadaan-keadaan ini adalah ketika responden diminta untuk terlibat dalam pemeriksaan kesihatan dan berada dalam kumpulan atau aktiviti yang bising (responden sensitif terhadap bunyi bising). Responden kadang-kadang juga menunjukkan perilaku melawan arahan gurunya. Hal ini ditunjukkan oleh Skala 2 yang mana terdapat beberapa arahan daripada gurunya yang tidak diikuti oleh responden kerana tidak bersesuaian dengan kehendak responden. Contohnya apabila responden diminta untuk mengikuti aktiviti yang melibatkan bunyi bising. Skala kajian juga menunjukkan terdapat 3 aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh responden dalam interaksinya dengan guru semasa di sekolah (Skala 1) iaitu: bercakap dengan guru dalam bilik darjah berdasarkan inisiatif responden, bermain dengan guru baik di dalam mahupun luar bilik darjah, dan memberitahu guru darjah ketika responden hendak ke tandas. Berdasarkan hasil pengamatan terhadap interaksi antara responden dan guru darjahnya, ia dapat disimpulkan bahawa responden memiliki hubungan yang kurang rapat dengan gurunya. Hal ini disebabkan keadaan autisme yang dialami oleh responden dan juga kurangnya pengetahuan dan kemampuan gurunya untuk menguruskan serta mendidik kanak-kanak berkeperluan khas seperti yang dialami oleh responden.

Rajah 2*Interaksi antara responden dengan rakan-rakan sekelas*

Data daripada Rajah 2 diperolehi daripada hasil pemerhatian interaksi antara responden dengan rakan-rakan sekelasnya. Skala yang digunakan adalah 1 = tidak pernah; 2 = kadang-kadang; 3 = selalu. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati hanya 2 perilaku yang selalu dilakukan oleh responden ketika berinteraksi dengan rakan-rakan sekelasnya (Skala 3) iaitu duduk bersama dengan rakan-rakan semasa dalam bilik darjah dan beratur bersama-sama rakan sekelas untuk masuk dalam bilik darjah atau mengikuti suatu aktiviti di sekolah berdasarkan arahan guru. Skala kajian juga menunjukkan terdapat 5 aktiviti yang tidak pernah dilakukan oleh responden dalam interaksinya dengan rakan-rakan sekelas semasa di sekolah (Skala 1) iaitu: bercakap dengan rakan-rakan semasa dalam bilik darjah, bermain dengan rakan-rakan semasa dalam bilik darjah, bermain dengan rakan-rakan semasa di luar bilik darjah, bekerjasama atau membantu melakukan suatu tugas dengan rakan-rakannya, dan berbagi makanan dengan rakan-rakan. Daripada hasil pemerhatian ini, didapati bahawa responden kurang memiliki kemampuan untuk berinteraksi atau menjalinkan hubungan baik dengan rakan-rakan sekelasnya. Hal ini menunjukkan kemampuan sosial yang dimiliki responden adalah kurang baik.

b) Penyediaan aktiviti pembelajaran

Aktiviti yang dijalankan dalam kelas kurang disesuaikan dengan keperluan khas subjek, menyebabkan keterlibatan subjek dalam pembelajaran menjadi terhad. Dalam beberapa situasi, aktiviti pembelajaran lebih fokus kepada pendekatan umum yang menyulitkan responden untuk menyertainya.

Rajah 3*Penyediaan aktiviti pembelajaran untuk kanak-kanak autisme*

Data daripada Rajah 3 diperolehi daripada hasil pemerhatian terhadap kemampuan sekolah menyediakan aktiviti pembelajaran untuk kanak-kanak autisme. Skala yang digunakan adalah 1 = tidak pernah; 2 = kadang-kadang; 3 = selalu. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati 4 keadaan pembelajaran di sekolah responden (Skala 1) iaitu sekolah tidak memiliki program khas untuk kanak-kanak autisme, sekolah tidak memiliki peralatan khas untuk pembelajaran bagi kanak-kanak autisme, guru tidak memiliki kaedah pengajaran khas untuk kanak-kanak autisme, dan sekolah tidak menggunakan teknologi khas untuk mendidik kanak-kanak autisme. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sekolah responden tidak memiliki fasiliti, teknologi dan metod pengajaran dan pembelajaran khas untuk kanak-kanak autisme. Selain itu, guru di sekolah tersebut tidak memiliki pengetahuan dan pendidikan khusus untuk menguruskan serta mendidik kanak-kanak autisme.

Daripada data pemerhatian ini, ia didapati bahawa terdapat kekurangan dalam penyesuaian kaedah pengajaran, aplikasi teknologi yang sesuai untuk kanak-kanak autisme, terutama dalam aspek perancangan aktiviti yang responsif kepada keperluan khas pengajaran dan pembelajaran kepada responden. Hasil pemerhatian juga menunjukkan sekolah tersebut tidak memiliki guru yang berkemampuan mengajar dan mendidik kanak-kanak autisme.

Analisis Temu Bual Separa Berstruktur

Temu bual dengan ibu responden memberikan perspektif mendalam mengenai cabaran yang mereka hadapi serta harapan terhadap pendidikan anaknya. Melalui temu bual ini, beberapa tema utama yang dikenal pasti termasuk:

a) Cabaran dalam pengurusan pendidikan

Ibu responden menyatakan bahawa beliau merasakan kekurangan sokongan khusus di sekolah menjadi penghalang utama bagi perkembangan pendidikan anaknya. Beliau juga merasakan beban dalam menyediakan sokongan tambahan di rumah termasuk menghantar responden mengikuti terapi dengan kos yang agak tinggi akibat ketiadaan program pendidikan khas di sekolah.

b) Harapan terhadap guru dan sekolah

Ibunya berharap agar pihak sekolah dapat menyediakan latihan khas untuk guru dan memperkenalkan program atau strategi khusus untuk membantu kanak-kanak autisme seperti anaknya. Beliau juga berharap akan adanya kesedaran yang lebih tinggi tentang autisme dalam kalangan kakitangan sekolah agar kanak-kanak seperti anaknya dapat menerima pengalaman pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan.

c) Kesedaran yang lebih tinggi

Temu bual ini menekankan keperluan untuk kesedaran yang lebih tinggi mengenai autisme dalam kalangan guru serta penubuhan sistem sokongan untuk ibu bapa yang menghadapi kesukaran dalam menguruskan pendidikan anak-anak autisme.

d) Polisi dan program khas

Temu bual dengan guru darjah mendapati bahawa sekolah tidak memiliki polisi dan program khas untuk pelajar autisme seperti yang dialami oleh responden. Rancangan pengajaran yang dijalankan dalam darjah juga mengikuti kurikulum dan kaedah pengajaran kanak-kanak normal di sekolah tersebut. Daripada hasil temu bual juga diketahui bahawa guru di sekolah responden tidak memiliki pendidikan khas dan pengalaman mengajar kanak-kanak berkeperluan khusus seperti responden.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen dilakukan untuk memahami dasar dan rancangan pengajaran sekolah dalam menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak dengan keperluan khas. Dokumen yang dianalisis termasuk rancangan pengajaran, laporan kemajuan akademik, dan polisi sekolah. Dapatan utama daripada analisis ini adalah:

a) Ketiadaan rancangan pengajaran khas

Tidak terdapat modifikasi atau rancangan pengajaran yang diadaptasi untuk memenuhi keperluan khusus subjek. Ini menunjukkan bahawa sekolah awam tersebut tidak mempunyai garis panduan yang khusus untuk membantu kanak-kanak autisme dalam pembelajaran mereka.

b) Laporan kemajuan akademik yang tidak terperinci

Laporan kemajuan tidak memberi tumpuan kepada aspek-aspek perkembangan yang signifikan untuk kanak-kanak autisme seperti kemajuan dalam kemahiran sosial atau adaptasi tingkah laku. Ini menunjukkan adanya kekurangan pemahaman terhadap perkembangan unik yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas.

c) Polisi pendidikan

Polisi pendidikan yang diamalkan di sekolah ini tidak mengambil kira keperluan khas dan disesuaikan secara inklusif untuk kanak-kanak seperti responden kajian. Ini memberikan gambaran bahawa polisi semasa masih memerlukan penambahbaikan agar dapat memberi peluang yang sama kepada kanak-kanak autisme untuk belajar dan berkembang di sekolah awam.

Analisis data ini menunjukkan bahawa pengurusan pendidikan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam masih menghadapi pelbagai kekurangan, termasuk dalam aspek adaptasi pembelajaran, kesedaran kakitangan sekolah, dan polisi pendidikan yang inklusif. Pemerhatian dan temu bual dengan ibu responden memberikan perspektif mengenai keperluan untuk memperbaiki strategi pengajaran dan membina sokongan tambahan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam. Penyelidikan ini mencadangkan kepentingan penglibatan pihak sekolah dan pihak berkuasa pendidikan dalam menyediakan program latihan untuk guru serta menyusun polisi yang lebih inklusif. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak autisme mendapat peluang pendidikan yang setara di sekolah awam.

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI HASIL KAJIAN

Perbincangan hasil kajian ini menunjukkan beberapa isu utama pengurusan pendidikan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam Indonesia. Berdasarkan analisis dokumen seperti rancangan pengajaran, laporan kemajuan akademik, dan polisi pendidikan sekolah, kajian ini mendapati beberapa kekurangan dalam penyediaan pendidikan yang sesuai untuk kanak-kanak dengan keperluan khas di sekolah awam Indonesia. Kekurangan-kekurangan tersebut di antaranya ialah:

a) **Ketiadaan rancangan pengajaran khas**

Satu isu yang jelas ialah tiadanya rancangan pengajaran yang diadaptasi bagi memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak autisme. Dalam dokumen yang dianalisis, tidak terdapat garis panduan atau modifikasi khas yang menyokong kanak-kanak autisme dalam proses pembelajaran mereka. Kekurangan ini menunjukkan bahawa sekolah awam kurang peka terhadap keperluan unik kanak-kanak autisme dan belum menyediakan pendekatan pengajaran yang bersifat individual. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pemahaman dalam kalangan pendidik mengenai cara menyusun strategi pembelajaran yang sesuai bagi kanak-kanak berkeperluan khas, terutamanya bagi mereka yang berada di spektrum autisme.

b) **Laporan kemajuan akademik yang tidak terperinci**

Dapatan seterusnya ialah laporan kemajuan akademik yang dihasilkan tidak menekankan aspek perkembangan kritikal untuk kanak-kanak autisme, seperti kemahiran sosial atau adaptasi tingkah laku. Ketidapekaan terhadap aspek-aspek ini menunjukkan adanya kurangnya kesedaran dalam kalangan pendidik dan pentadbir sekolah mengenai perkembangan holistik yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas. Pendekatan laporan kemajuan yang tidak komprehensif ini mengakibatkan penilaian yang tidak menyeluruh dan menyukarkan guru serta ibu bapa dalam memantau kemajuan kanak-kanak dari segi kemahiran sosial dan tingkah laku, yang merupakan aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak autisme.

c) **Polisi pendidikan yang kurang inklusif**

Daripada segi polisi pendidikan, kajian ini mendapati bahawa polisi yang sedia ada di sekolah awam belum inklusif dan kurang mempertimbangkan keperluan kanak-kanak autisme secara spesifik. Polisi pendidikan yang diterapkan tidak menyediakan garis panduan bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas untuk belajar dengan lebih efektif di sekolah awam. Hal ini mencerminkan bahawa pihak sekolah dan pentadbir belum cukup memberi perhatian kepada keperluan pendidikan khas dan kurang mendapat sokongan atau panduan daripada pihak berkuasa pendidikan untuk mengembangkan polisi yang lebih inklusif.

Cadangan dan Implikasi

Dapatan daripada kajian ini menyoroti kepentingan perubahan dalam pengurusan pendidikan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam. Antaranya ialah perlunya penglibatan pihak sekolah dan pihak berkuasa pendidikan dalam mengembangkan program latihan untuk guru bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran mereka dalam menangani keperluan unik kanak-kanak berkeperluan khas. Latihan ini akan membantu guru lebih memahami cara-cara menyusun strategi pengajaran yang adaptif dan menyokong perkembangan sosial serta tingkah laku kanak-kanak autisme.

Selain itu, penambahbaikan dalam polisi pendidikan yang lebih inklusif amat diperlukan untuk memastikan bahawa kanak-kanak autisme mendapat peluang yang sama untuk belajar dan berkembang. Polisi yang inklusif dapat membantu menyediakan sokongan tambahan yang berfokus kepada keperluan individu, meningkatkan peluang kanak-kanak autisme untuk mencapai potensi akademik dan sosial mereka.

Akhirnya, kajian ini mencadangkan perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh dalam pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah awam. Dengan adanya sokongan dan perubahan dalam dasar serta latihan guru, sekolah awam di Indonesia diharapkan dapat menjadi lebih inklusif dan mesra terhadap keperluan kanak-kanak berkeperluan khas, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan untuk semua pelajar di sana, baik yang normal mahupun yang khusus.

Strategi Penyelesaian Masalah

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan mengenai pengurusan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya kanak-kanak autisme di sekolah awam di Indonesia, berikut adalah huraian strategi yang berpotensi meningkatkan pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme:

a) Pengembangan rancangan pengajaran yang diadaptasi

1. Modifikasi kurikulum

Sekolah perlu mengembangkan rancangan pengajaran yang spesifik dan diadaptasi untuk memenuhi keperluan kanak-kanak autisme. Ini termasuk penyesuaian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan pembelajaran yang sesuai.

2. Penggunaan pendekatan pembelajaran berbeza

Memperkenalkan pendekatan pembelajaran yang berbeza seperti pembelajaran berasaskan permainan, pembelajaran visual, dan pembelajaran praktikal untuk menarik perhatian dan minat kanak-kanak autisme.

b) Meningkatkan kualiti laporan kemajuan akademik

1. Penilaian holistik

Laporan kemajuan mestilah mencakupi aspek kemahiran sosial, tingkah laku, dan kemajuan dalam komunikasi. Pihak sekolah perlu menyediakan penilaian yang lebih menyeluruh untuk memahami perkembangan kanak-kanak autisme.

2. Maklumat berkala kepada ibu bapa

Sekolah perlu berkomunikasi dengan ibu bapa mengenai kemajuan anak mereka secara berkala, termasuk strategi yang boleh dilakukan di rumah untuk menyokong perkembangan mereka.

c) Pembangunan polisi pendidikan yang inklusif

1. Penilaian dan penambahbaikan polisi

Pihak sekolah dan pihak berkuasa pendidikan perlu mengkaji semula dan menambah baik polisi pendidikan yang ada agar menjadi lebih inklusif. Polisi ini perlu memastikan bahawa keperluan kanak-kanak autisme diambil kira dalam semua aspek pendidikan.

2. Pembentukan jaringan sokongan

Membentuk kerjasama antara sekolah, ibu bapa, dan organisasi masyarakat untuk menyediakan sokongan tambahan bagi kanak-kanak autisme. Ini termasuk menyediakan sumber daya dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan.

d) Latihan dan kesedaran untuk kakitangan sekolah

1. Program latihan berterusan

Mengadakan program latihan berterusan untuk guru dan kakitangan sekolah tentang cara-cara terbaik untuk mengajar dan menyokong kanak-kanak autisme. Ini akan membantu meningkatkan pemahaman mereka terhadap keperluan unik kanak-kanak tersebut.

2. Sesi Kesedaran untuk komuniti sekolah

Menyediakan sesi kesedaran mengenai autisme kepada semua kakitangan sekolah, termasuk pengurus dan penyelia, untuk memastikan semua pihak memahami pentingnya inklusi dan sokongan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

e) Peningkatan kerjasama dengan pihak berkuasa pendidikan

1. Advokasi untuk dasar inklusif

Sekolah perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa pendidikan untuk mendorong perubahan dalam dasar pendidikan di peringkat negeri atau kebangsaan yang menyokong pendidikan inklusif.

2. Penglibatan dalam penyelidikan dan pembangunan

Mengalakkan penyelidikan yang lebih lanjut dalam bidang pendidikan inklusif untuk membangunkan model terbaik bagi pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah awam.

Melalui strategi-strategi ini, diharapkan pengurusan pendidikan untuk kanak-kanak autisme di sekolah awam dapat diperbaiki. Dengan adanya penyesuaian dalam rancangan pengajaran, peningkatan laporan kemajuan, pembangunan polisi pendidikan yang inklusif, latihan untuk kakitangan, dan kerjasama dengan pihak berkuasa pendidikan, sekolah awam dapat menjadi lebih mesra dan menyokong keperluan kanak-kanak berkeperluan khas, meningkatkan peluang mereka untuk mencapai potensi akademik dan sosial yang lebih baik.

POLISI PENGURUSAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK AUTISME DI SEKOLAH AWAM DI INDONESIA

Berdasarkan hasil penyelidikan yang dijalankan, berikut adalah beberapa cadangan polisi yang sesuai untuk meningkatkan pengurusan pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah awam di Indonesia.

Polisi Rancangan Pengajaran Khas

a) Penyediaan kurikulum beradaptasi

Setiap sekolah awam yang mempunyai kanak-kanak autisme perlu menyediakan rancangan pengajaran khas yang mengadaptasi kurikulum untuk memenuhi keperluan pembelajaran khusus mereka. Ini termasuk menyediakan garis panduan modifikasi aktiviti pengajaran, penggunaan bahan pembelajaran visual, dan kaedah pembelajaran berbentuk praktikal untuk meningkatkan minat serta interaksi murid autisme.

b) Latihan Guru berfokus pada strategi pembelajaran adaptif

Menyediakan program latihan berstruktur bagi guru untuk memahami pelbagai pendekatan pembelajaran berbeza yang sesuai untuk kanak-kanak autisme, termasuk pembelajaran berasaskan permainan dan pembelajaran visual.

Polisi Penilaian Kemajuan Akademik Komprehensif

a) Laporan akademik holistik

Sekolah perlu mengadaptasi laporan kemajuan yang mencakupi aspek akademik, kemahiran sosial, tingkah laku, dan perkembangan komunikasi untuk kanak-kanak autisme. Penilaian holistik ini memberi gambaran menyeluruh mengenai kemajuan individu.

b) Komunikasi berkala dengan ibu bapa

Mewajibkan sekolah untuk berkomunikasi secara berkala dengan ibu bapa mengenai perkembangan anak, serta menyediakan panduan praktikal bagi ibu bapa untuk menyokong perkembangan anak mereka di rumah.

Polisi Pendidikan Inklusif yang Menyeluruh**a) Semakan polisi pendidikan**

Kementerian Pendidikan perlu menyemak dan mengemas kini polisi pendidikan sedia ada untuk memastikan polisi yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya autisme.

b) Jaringan sokongan antara sekolah dan komuniti

Mewujudkan jaringan sokongan antara sekolah, ibu bapa, dan organisasi masyarakat yang menyediakan sumber daya, perkhidmatan terapi, serta sokongan tambahan bagi kanak-kanak autisme.

Polisi Latihan Berterusan dan Kesedaran bagi Kakitangan Sekolah**a) Program latihan wajib bagi guru**

Mewajibkan guru dan kakitangan sekolah yang berhubung dengan kanak-kanak autisme mengikuti program latihan berterusan yang mengajarkan strategi pengajaran serta cara menyokong perkembangan kanak-kanak autisme.

b) Sesi kesedaran untuk komuniti sekolah

Menyediakan sesi kesedaran mengenai autisme kepada seluruh komuniti sekolah, termasuk pentadbir dan penyelia, untuk menggalakkan sikap inklusif serta sokongan berterusan bagi kanak-kanak autisme.

Polisi Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Pendidikan**a) Advokasi untuk dasar Pendidikan inklusif**

Menggalakkan kerjasama aktif antara sekolah dan pihak berkuasa pendidikan untuk menyokong perubahan dalam dasar pendidikan pada peringkat negeri dan nasional yang mengutamakan inklusi bagi kanak-kanak autisme.

b) Penglibatan dalam penyelidikan pendidikan inklusif

Mendorong sekolah untuk terlibat dalam penyelidikan bersama institusi pendidikan dan organisasi relevan untuk membangunkan amalan terbaik dalam pengurusan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak autisme.

RUJUKAN

- Al Shammari, Z., & Hornby, G. (2021). The role of inclusive education for students with autism in Saudi Arabia. *International Journal of Disability, Development and Education*, 68(4), 534-549. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2020.1755423>.
- Ashburner, J., Bobir, N., & van Dooren, K. (2020). Evaluation of a school-based therapy service for students with autism spectrum disorder in inclusive schools. *International Journal of Inclusive Education*, 24(9), 991-1009. <https://doi.org/10.1080/13603116.2018.1531942>.
- Baranek, G. T., & Watson, L. R. (2022). Incorporating social constructivist strategies in inclusive classrooms for children with autism. *Journal of Special Education*, 56(2), 121-134. <https://doi.org/10.1177/00224669211025049>.
- Campbell, D. J., & Bigby, C. (2021). Ecological perspectives in supporting inclusive education for children with autism: A review of systemic approaches. *Autism & Developmental Disorders*, 47(4), 1400-1414. <https://doi.org/10.1007/s10803-020-04658-2>.
- Cera, R. (2015). Inclusive education from a human rights perspective. *International Journal of Human Rights*, 19(6), 913-928.
- Chapman, R. (2020). Neurodiversity theory and autism: What next? *Autism in Adulthood*, 2(1), 8-10.
- Elsabbagh, M., Divan, G., Koh, Y. J., Kim, Y. S., Kauchali, S., Marcín, C., ... & Fombonne, E. (2012). Global prevalence of autism and other pervasive developmental disorders. *Autism Research*, 5(3), 160-179.

- Fatimah, S., Johan, M., & Hasan, A. (2023). Keberkesanan guru dan kemajuan akademik kanak-kanak autisme di sekolah awam. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 19(2), 142-158.
- Fauzi, M., & Rani, S. (2023). Implikasi dasar pendidikan inklusif terhadap pendidikan kanak-kanak autisme di Indonesia. *Jurnal Dasar Pendidikan*, 16(4), 221-238.
- Goodall, C. (2021). Autism and inclusive education: International perspectives and challenges. *European Journal of Special Needs Education*, 36(4), 439-452.
- Hakim, A. (2023). *Inclusive education strategies in Indonesian public schools*. Gadjah Mada University Press.
- Halim, A., Ridwan, M., & Karim, L. (2023). Pengaruh persekitaran sekolah terhadap perkembangan sosial kanak-kanak autisme. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 18(1), 33-49.
- Handayani, T., & Suryana, N. (2020). Inclusive education practices in Indonesia: Teachers' perspectives and challenges. *Journal of Inclusive Education*, 15(2), 134-147.
- Iskandar, N., Hadi, S., & Malik, R. (2020). Cabaran dalam pendidikan inklusif: Persepsi guru terhadap pendidikan kanak-kanak autisme di sekolah awam. *Jurnal Pendidikan*, 17(2), 105-120.
- Jones, J., & Frederickson, N. (2021). Inclusive education for children with autism: Global perspectives and local challenges. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(3), 1234-1247. <https://doi.org/10.1007/s10803-021-04643-4>.
- Kanner, L., & Siegel, B. (2021). *Autism and the inclusive education imperative*. Academic Press.
- Kemendikbud. (2022). *Laporan pendidikan inklusif di Indonesia*. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Lin, M., et al. (2020). Visual Supports in Autism Education. *Journal of Special Needs Education*, 13(2), 102-114.
- Mansur, H., & Hartini, E. (2020). Program latihan guru dalam pendidikan inklusif untuk kanak-kanak autisme. *Jurnal Pendidikan Guru*, 15(1), 67-83.
- Mastura, H., & Hidayat, M. (2022). Challenges in inclusive education for children with autism. *Asian Journal of Special Education*, 9(1), 45-58.
- Mansor, M., Ismail, N., & Rahman, A. R. (2022). Awareness and challenges in inclusive education for children with autism in Malaysia. *Malaysian Journal of Education*, 48(2), 45-59.
- Mohamad, A., & Nordin, Z. (2023). Teaching children with autism in mainstream classrooms. *International Journal of Educational Research*, 15(3), 301-312.
- Nur, F., Budi, S., & Adi, H. (2022). Peer group support dan pembelajaran kanak-kanak autisme di sekolah awam. *Jurnal Pendidikan Khas*, 13(2), 75-92.
- Nursanti, A., & Alim, A. (2021). Challenges in inclusive education for children with autism in Indonesian Public Schools. *International Journal of Special Education*, 20(4), 98-112.
- Rahman, D. (2021). *Individual education programs for autism in Indonesian Schools*. Indonesian Special Education Journal.
- Rahman, T., & Aziz, M. (2022). Keberkesanan pendekatan visual dalam pengajaran kanak-kanak autisme di sekolah awam. *Jurnal Pendidikan Inklusif*, 12(4), 213-229.
- Redefining Inclusive Education for Autistic Children in International and European Law. (2023). *The International Journal of Children's Rights*, 31(2).
- Rimmerman, A., & Arieli, M. (2023). Teachers' attitudes and self-efficacy towards inclusion of students with autism: The role of a strengths-based approach. *Educational Sciences*, 13(7), 709. <https://doi.org/10.3390/educsci13070709>.
- Samad, R., & Widodo, A. (2021). Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan kanak-kanak autisme. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 14(3), 189-204.
- Sapon-Shevin, M. (2020). *Widening the circle: The power of inclusive classrooms*. Harvard Education Press.
- Sharma, U., Loreman, T., & Macanawai, S. (2020). Teacher education for inclusion: A global perspective on enhancing teacher capacity. *International Journal of Inclusive Education*, 24(12), 1421-1436. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1835643>

- Schwartz, I. S., & Rizzo, T. L. (2023). Foundations and advancements in inclusive education: Addressing the needs of children with autism. *Inclusive Education Review*, 30(3), 215-228. <https://doi.org/10.1080/00094056.2022.2039200>.
- Smith, T. (2022). Inclusive education in the United States: Policy, practice, and teacher perceptions. *International Journal of Special Education*, 37(1), 67-82.
- Sugianto, R. (2021). Pendidikan inklusif dan cabaran guru di Indonesia dalam menangani kanak-kanak autisme. *Jurnal Pendidikan Khusus*, 15(3), 145-162.
- Suherman, S., & Ratnasari, S. (2019). Implementing inclusive education in Indonesia: Policy and Practice. *Educational Research and Development Journal*, 11(1), 23-36.
- Sunarto, P., et al. (2022). Teacher readiness in implementing inclusive education. *Journal of Education Policy*, 7(4), 212-223.
- Suparman, A. (2023). Evaluating inclusive education practices. *Educational Research Indonesia*, 5(1), 32-43.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2020). *Global education monitoring report: Inclusion and education - All means all*. UNESCO. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000373662>.
- UNESCO. (2021). *Reimagining our futures together: A new social contract for education*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://unesdoc.unesco.org/>
- Wahid, A., & Putra, Z. (2022). Sumber sokongan tambahan dalam pendidikan kanak-kanak autisme. *Jurnal Pendidikan dan Sokongan*, 10(2), 87-99.